



10 Julai 2013  
10 July 2013  
P.U. (A) 222

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (LESEN MEMANDU) (PINDAAN) 2013

### *MOTOR VEHICLES (DRIVING LICENCE) (AMENDMENT) RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (LESEN MEMANDU) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) (Pindaan) 2013**.

**Pindaan kaedah 5**

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 [P.U. (A) 409/1992], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah 5(4)—

(a) dengan menggantikan butiran ‘A “KENDERAAN ORANG CACAT” ’ dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran yang berikut:

SUSUNAN

RUANG 1	RUANG 2	RUANG 3
Kelas	Kumpulan tambahan yang diliputi	Kehendak untuk dipenuhi
‘A “KENDERAAN ORANG CACAT (MOTOSIKAL)”	TIADA	(i), (ii), (iii), (iv), (v), (viii), (ix)’;

- (b) dengan memasukkan selepas butiran ‘A “KENDERAAN ORANG CACAT” ’ dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

SUSUNAN

RUANG 1	RUANG 2	RUANG 3
Kelas	Kumpulan tambahan yang diliputi	Kehendak untuk dipenuhi
‘A1 “KENDERAAN ORANG CACAT (MOTOKAR)”	TIADA	(i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi), (vii), (viiib), (viii), (ix)’;

- (c) dengan menggantikan butiran ‘D “MOTORKAR: berat tanpa muatan tidak melebihi 3000 kg” ’ dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran yang berikut:

SUSUNAN

RUANG 1	RUANG 2	RUANG 3
Kelas	Kumpulan tambahan yang diliputi	Kehendak untuk dipenuhi
‘D “MOTOKAR: berat tanpa muatan tidak melebihi 3500 kg”	DA	(i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi), (vii), (viii), (ix); dan